

Anwar saman fitnah PM8

UM - 25/12/2022 mlb: 10

Oleh SUWARNI MOKHTAR

suwarni.mokhtar@mediamulia.com.my

KUALA LUMPUR: Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim semalam memfailkan saman terhadap Pengerusi Perikatan Nasional (PN), Tan Sri Muhyiddin Yassin berhubung kenyataan yang mendakwa beliau menerima bayaran RM15 juta sebagai penasihat ekonomi Selangor dalam satu ceramah ketika kempen Pilihan Raya Umum ke-15.

Writ saman dan pernyataan tuntutan tersebut difailkan di Mahkamah Tinggi di sini semalam pada pukul 10.30 pagi, melalui firma guaman, Tetuan S. N. Nair.

Menurut pernyataan tuntutan yang difailkan, defendan, Muhyiddin atau nama sebenarnya Mahiaddin Muhammad Yassin didakwa mengeluarkan kenyataan berbau fitnah di 'Grand Finale Perikatan Nasional Padang Serai' di Taman Selasih, Kulim sewaktu kempen PRU15 pada 5 Disember lalu.

Antara kandungan ceramah yang dikatakan fitnah ialah mengenai Ahli Parlimen Tambun selaku plaintif itu menerima



ANWAR Ibrahim memfailkan saman terhadap Muhyiddin berhubung kenyataan menerima RM15 juta sebagai penasihat ekonomi Selangor.

bayaran RM15 juta semasa menjawat jawatan sebagai Penasihat Ekonomi Negeri Selangor.

Ucapan tersebut kemudian diterbitkan di akaun TikTok "@beritakini8" dan akaun Facebook 'Muhyiddin Yassin'.

Kenyataan berbau fitnah itu turut diterbitkan di portal berita *Malaysiakini* dalam artikel

bertajuk *MB's aide to Muhyiddin: Anwar paid RM1 as S'gor economic adviser* bertarikh 7 Disember lalu.

Anwar mendakwa, kenyataan-kenyataan berbau fitnah itu antara lain menggambarkan dirinya sebagai seorang yang tidak boleh dipercayai dan tidak jujur mengenai penerimaan

jutaan ringgit daripada Kerajaan Negeri Selangor sebagai Penasihat Ekonomi.

Kenyataan-kenyataan berbau fitnah itu juga antara lain menggambarkan Anwar sebagai seorang yang tidak beretika, menipu orang ramai dengan menyatakan bahawa beliau hanya menerima RM1 sebagai gaji Penasihat Ekonomi Selangor dan bukanlah seorang orang Islam yang baik.

"Kenyataan fitnah ini dirancang terlebih dahulu bertujuan untuk memperlekehkan, memfitnah reputasi dan perwatakan saya secara serius selain memburukkan nama baik dan karakter saya yang merupakan penyokong teguh kedaulatan undang-undang serta reformasi sosial.

"Muhyiddin keberatan untuk memohon maaf dan menarik balik (kenyataan) yang sama, tetapi terus menerbitkan perkataan fitnah itu dengan sengaja dan tidak memadamkannya sehingga kini," katanya.

Oleh itu, Anwar menuntut ganti rugi am, teruk dan teladan bagi setiap kenyataan fitnah yang dibuat oleh Muhyiddin terhadapnya.